

## **12 SEKATAN JALAN RAYA DI PINTU MASUK**

**KUANTAN, 20 APRIL 2021:** Sebanyak 12 sekatan jalan raya (SJR) dilaksanakan di pintu masuk sempadan negeri ini bagi menyekat kenderaan yang tidak mempunyai kebenaran untuk masuk ke Pahang.

Ketua Polis Pahang, YDH CP Dato' Sri Abd Jalil Hassan berkata, di Kuantan, SJR dilaksanakan di Tol Kuantan dan di Kilometer 22, Cherating bagi mengawal kenderaan yang masuk daripada Kuala Terengganu.

“Selain itu adalah di Tol Temerloh, Tol Bentong hala Kuantan dan di hadapan Sekolah Menengah Bukit Tinggi dan Simpang Durian di Bentong.

“Di Cameron Highlands pula daripada perumahan PR1MA Kampung Raja sempadan Ringlet-Tapah dan Jalan Kuantan-Seremban di Simpang Empat Melati.

“Jadi semuanya kita tentukan pintu masuk negeri ini. SJR ini adalah untuk menyekat mereka yang tidak mempunyai urusan atau tidak mempunyai surat kelulusan untuk rentas negeri,” katanya ketika Temubual Khas Bersama Ketua Polis Pahang Berkenaan SOP COVID-19 di Pahang FM hari ini.

Beliau berkata, pihaknya juga turut memantau lorong tikus menggunakan Unit Ronda Bermotorsikal (URB) dan kereta peronda (MPV).

“Kita juga laksanakan snap check untuk mengenal pasti lorong-lorong tikus ini melalui pengalaman orang-orang kampung di situ. Sebab negeri Pahang ini banyak tanah rancangan yang lorong tikus ini boleh tembus negeri lain. Jadi di situ MPV dan URB akan mengadakan snap check,” katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai terutamanya mereka yang datang dari luar negeri Pahang atau di dalam negeri ini supaya tidak berkumpul sehingga menyebabkan berlakunya kluster baharu.

“Jadi pihak polis ingin nasihatkan dan saya mewakili task force Kerajaan Negeri agar mereka yang datang daripada luar Pahang atau berada di dalam negeri Pahang janganlah cuba-cuba untuk membuat atau berkumpul,” katanya. – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#PahangGo**

Oleh: Ain Nadhirah Basha

(LIPUTAN BERGAMBAR)

